

M.P.U. 6/2004
KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (SULH) 2004

Kaedah 2. Tafsiran.

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 13 tahun 2002*];

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis *Sulh* yang disebut dalam perenggan 5(1);

“pegawai awam” termasuklah Pendaftar, Pegawai Syariah dan seseorang Pegawai Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3(2) Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*];

“pendengaran” ertinya apa-apa prosiding dalam Mahkamah terbuka atau dalam kamar.
